

**KEKUATAN NIAT KEUSAHAWANAN (*ENTREPRENEURS INTENTION*)
PELATIH INDUSTRI AUTOMOTIF TERHADAP
KERJAYA USAHAWAN ERA TERKINI**

NORMALA BINTI HJ A.RAZAK

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**KEKUATAN NIAT KEUSAHAWANAN (*ENTREPRENEURS INTENTION*)
PELATIH INDUSTRI AUTOMOTIF TERHADAP
KERJAYA USAHAWAN ERA TERKINI**

NORMALA BINTI HJ A.RAZAK

Laporan Projek Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)

**Fakulti pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

OKTOBER 2009

DEDIKASI

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah S.W.T Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W

*Buat ayahanda tersayang,
Hj.A.Razak bin A.rahim*

Apa yang telah diberi, akan kuhargai. Apa yang telah diucap akan kuingati. Terima kasih atas segala-galanya

*Buat bonda tercinta
Hjh. Painah binti Arjo
*Engkau lah sumber inspirasi hidupku**

Buat saudaraku yang teristimewa

Kak Long, Kak Ani, Awang, Fiza, Atan & Afiqah

Sesungguhnya diriku bahagia memiliki silaturrahim dengan kalian. Semoga kukuhnya ikatan persaudaraan ini setanding dengan kukuhnya kasih sayang antara kita.

Buat Suamiku yang tercinta

Mohd Shamsul bin Adenan

Sesungguhnya pengorbanan dan penghargaan mu menambahkan semangat perjuanganku. Semoga rumahtangga yang dibina akan sampai ke akhir hayat

Buat anak-anakku yang dikasihi

Mohd Shafiy Daniel & Deanna Sorfina

Sesungguhnya ibu amat berterimakasih kerana memiliki anak-anak yang memahami semangat perjuanganku. Semoga anak-anakku berjaya dalam hidupnya.

Buat sahabat-sahabatku

Rosnah & Semua Teman Sekerja Lot 4 (Lama & Baru) Di Kolej SAL JB

*Dorongan dan galakan yang diberikan sentiasa membakar semangatku untuk menghabiskan pengajian dengan jayanya, akan kujadikan kenangan ini sampai bila-bila..
Terima Kasih untuk segala kenangan dan dorongan yang terindah ini.*

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi maha penyayang. Segala tasbih dan tahmid hanya kepada Allah S.W.T. Selawat dan salam untuk junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut baginda hingga ke hari kemudian.

Syukur Alhamdulillah dengan limpah dan kurnia-Nya, maka saya telah menyiapkan projek ini bagi memenuhi syarat untuk mendapat Sarjana Pendidikan (Pendidikan Teknik dan Vokasional).

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia tesis, Prof. Madya Dr. Yahya Bin Buntat di atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan. Tidak lupa buat semua Tenaga Pengajar di Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai atas segala bantuan yang diberikan.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada para pelatih di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Institut Kemahiran Mara (IKM) Jasin Melaka dan Pusat Latihan Kejuruteraan E-Acess Kulaijaya Johor.

Akhir sekali, tidak lupa juga jutaan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, serta sokongan moral dalam proses menyiapkan kajian ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti kekuatan niat keusahawanan (*Entrepreneurs Intention*) di kalangan pelatih industri automotif terhadap kerjaya keusahawanan era terkini. Terdapat lima faktor penting dalam mempengaruhi tajuk yang dikaji iaitu berkaitan dengan sikap dan kemampuan pelatih automotif, minat keusahawanan, kandungan modul keusahawanan yang dilaksanakan, keintelektualan tenaga pengajar dan juga tahap kemahiran teknikal dan pengetahuan keusahawanan pelatih untuk menceburi bidang keusahawanan. Responden kajian terdiri daripada 77 orang pelatih industri automotif di Institut Kemahiran Mara Jasin (IKM), Institut Latihan Industri (ILP) Pasir Gudang dan juga Pusat Latihan Kejuruteraan E-Access Kulaijaya. Kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statistic Package for the Social Science versi 17 (SPSS17). Nilai Alpha Cronbach (α), yang didapati adalah 0.90. Skor min dan peratusan digunakan untuk menganalisis tahap pengaruh sesuatu faktor tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa setiap lima persoalan terhadap pengaruh ke atas niat keusahawanan ini mempunyai pengaruh yang tinggi antara satu sama lain. Kajian ini juga mendapati bahawa pengaruh keintelektualan tenaga pengajar merupakan aspek pertama yang tinggi pengaruhnya ke atas niat keusahawanan, diikuti dengan kemahiran teknikal dan pengetahuan keusahawanan pelatih. Pengaruh dari aspek kandungan modul kurikulum juga memperlihatkan pengaruh yang tinggi ke atas niat keusahawanan dan seterusnya pengaruh dari aspek sikap dan kemampuan pelatih itu sendiri. Dari aspek minat keusahawanan dalam diri pelatih automotif ini memperlihatkan faktor terakhir tinggi terhadap kekuatan niat keusahawanan. Beberapa cadangan disertakan untuk memperkuat lagi peranan pengaruhnya dalam menyemai kekuatan niat keusahawanan di kalangan pelatih automotif di dalam kerjaya keusahawanan.

ABSTRACT

This study was conducted to determine the most specialty of entrepreneurs intention among automotive students now days. There are five factors which are the most important in this research, which is related to the trainee's attitude, interested in entrepreneurs career, contents of the entrepreneurs curriculum module, the intellectual of lecturer and the last one is related to the stages technical skills and entrepreneurs knowledge among those trainee. Respondents for this research were about 77 trainees in industrial automotive at Institut Kemahiran Mara Jasin (IKM), Institut Latihan Industri (ILP) Pasir Gudang and Pusat Latihan Kejuruteraan E-Access Kulaijaya. Questionnaires are used as the main research instrument. Data was analyzed with SPSS (Statistic Package for the Social Science) version 17.0. Alpha Cronbach (α) value for this research is 0.90. The mean score and percentages were used to analyze about the influence of the factors. All the factors stated were given the higher score between one and other. The findings revealed that, the intellectual of lecturers' were the first factors that can given a higher result which can influenced those trainees, then followed by the trainee's technical skills and entrepreneurs knowledge. Factor based on the content of the module entrepreneurs also shows a higher scores to the entrepreneurs intention and also the attitude and capability of the trainee's themselves. From the aspect of interested entrepreneurs of the trainee's are given the last higher scores to influence the entrepreneurs intention. There are also some recommendations given in order to support the role of entrepreneurs intention among those automotive trainees in the career of entrepreneurs.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	PENGESAHAN PENYELIA	iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii-xiii
	SENARAI JADUAL	xiv-xv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SIMBOL	xvii
	SENARAI SINGKATAN	xviii-xix
	SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	6
	1.2 Pernyataan Masalah	11
	1.3 Objektif Kajian	12
	1.4 Persoalan Kajian	13

1.5	Kepentingan Kajian	14
1.6	Skop dan Batasan Kajian	16
1.7	Kerangka Konsep	17
1.8	Definisi Terminologi	19
1.8.1	Niat	19
1.8.2	Usahawan	19
1.8.3	Pelatih	20
1.8.4	Industri Automotif	20
1.8.5	Kerjaya	20
1.9	Penutup	21

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan	22
2.1	Kepentingan Niat Keusahawanan	26
2.2	Galakan Keusahawanan Dalam Kursus Automotif	27
2.3	Institusi-Institusi Industri Automotif	32
2.3.1	Institut Latihan Perindustrian (ILP)	33
2.3.2	Institut Kemahiran Mara (IKM)	34
2.3.3	Pusat Latihan Kejuruteraan E-Access Sdn Bhd	34
2.4	Program Automotif Sebagai Pilihan Kerjaya	35
2.5	Konsep Pendidikan Keusahawanan	36
2.6	Niat Keusahawanan (Entrepreneurial Intentions) berdasarkan Model of Boyd & Vozikis	40
2.7	Tahap Kemampuan Tenaga Pengajar Dan Pelatih (Model Penilaian Kperluan Lubke	42

2.8	Kemampuan Tenaga Pengajar (Teori Konstruktivisme)	47
2.9	Kompetensi Keusahawanan	48
2.10	Penutup	56

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	57
3.1	Reka Bentuk Kajian	57
3.2	Tempat Kajian	59
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	59
3.4	Instrumen Kajian	60
	3.4.1 Bahagian A	61
	3.4.2 Bahagian B	61
3.5	Prosedur Kajian	64
3.6	Kajian Rintis	64
3.7	Kajian Sebenar	65
3.8	Kaedah Analisis Data	66
	3.8.1 Pertimbangan Skor Min	67
3.9	Penutup	68

BAB IV ANALISA DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	69
4.1	Analisis Data	70
	4.1.1 Bahagian A	70

4.1.2	Bahagian B	70
4.2	Analisis Bahagian A	72
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	72
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Kaun/Bangsa	73
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Umur	73
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Sijil	74
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Sekolah Terakhir Sebelum Memasuki Pusat Latihan Automotif	75
4.2.6	Taburan Pekerjaan Ibu Bapa	76
4.2.7	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja Sebelum Menjalani Latihan Automotif	77
4.2.8	Taburan Responden Mengikut Sebab Utama Pemilihan Kursus Automotif	78
4.3	Analisis Bahagian B	79
4.3.1	Persoalan Kajian 1 Tahap sikap dan kemampuan pelatih	79
4.3.1.1	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Aspek Sikap Dan Kemampuan	82-84
4.3.2	Persoalan 2 Tahap minat keusahawanan	84
4.3.2.1	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Aspek Minat	87-89
4.3.3	Persoalan 3 Tahap kandungan modul kurikulum keusahawanan	89
4.3.3.1	Taburan Responden Mengikut Min Dan Peratus Bagi Aspek Kandunga Modul Kurikulum Keusahawanan	92-94

4.3.4	Persoalan 4 Tahap keintelektualan tenaga pengajar	94
4.3.4.1	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Aspek Keintelektualan Tenaga Pengajar	96-98
4.3.5	Persoalan 5 Kemahiran teknikal dan pengetahuan keusahawanan pelatih automotif	98
4.3.5.1	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Kemahiran Teknikal Dan Pengetahuan Keusahawanan Pelatih Automotif	101-103
4.4	Penutup	103

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	104
5.1	Perbincangan	105
5.1.1	Latar Belakang Responden	106-108
5.1.2	Aspek Sikap Dan Kemampuan	108-111
5.1.3	Aspek Minat Keusahawanan	111-115
5.1.4	Aspek Kandungan Modul Keusahawanan	115-118
5.1.5	Aspek Keintelektualan Tenaga Pengajar	118-122
5.1.6	Aspek Kemahiran Teknikal Dan Pengetahuan Keusahawanan	122-126
5.2	Nilai Min Bagi Setiap Pernyataan Masalah	126

5.3	Rumusan	127-132
5.4	Cadangan	132-133
5.4.1	Cadangan Kepada Pihak Institut	133-143
5.4.2	Penglibatan Peranan Ibu Bapa Dan Badan- badan Keusahawanan	134-135
5.4.3	Kecenderungan Dan Kepekaan Pelatih Industri Automotif	135-136
5.4.4	Dorongan Tenaga Pengajar	136-137
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	138
5.6	Penutup	139
	BIBLIOGRAFI	140-146
	LAMPIRAN	147-175

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Senarai subjek keusahawanan di IKM	10
3.1	Pembahagian item A mengikut latar belakang responden	61
3.2	Taburan item soal selidik	62
3.3	Skala Likert	63
3.4	Pertimbangan skor min bagi pengaruh terhadap keusahawanan	67
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	72
4.2	Taburan Keturunan/Bangsa	73
4.3	Taburan Responden Mengikut Umur	74
4.4	Taburan Responden Berdasarkan Kelulusan Sijil Dalam Latihan Automotif	75
4.5	Taburan Sekolah Terakhir Responden Sebelum Memasuki Ke Pusat Latihan Automotif	76
4.6	Pekerjaan Ibu Bapa	77
4.7	Pengalaman Bekerja Sebelum Menjalani Latihan Automotif	78
4.8	Sebab Utama Pemilihan Kursus Automotif	79
4.9	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Aspek Sikap Dan Kemampuan	80
4.10	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Aspek Minat Keusahawanan	85

4.11	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Aspek Kandungan Modul Kurikulum Keusahawanan	90
4.12	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Aspek Keintelektualan Tenaga Pengajar	94
4.13	Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Min Bagi Aspek Kemahiran Teknikal dan Pengetahuan Keusahawanan	99
5.1	Nilai Dan Kedudukan Min Purata Bagi Persoalan Kajian Kekuatan Niat Keusahawanan	127

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.2	Kerangka kosep kekuatan niat keusahawanan	18
2.1	Peratusan pembahagian projek dalam bidang automotif	28
2.2	Anggaran kos perbelanjaan setahun	30
2.3	Model Boyd & Vozikiz	41
2.4	Adaptasi Model Penilaian/Analisa Keperluan Lubke	43
5.1	Min Item-item Bagi Aspek Sikap dan Kemampuan	109
5.2	Min Item-item Bagi Aspek Minat Keusahawanan	113
5.3	Min Item-item Bagi Aspek Kandungan Modul Kurikulum	116
5.4	Min Item-item Bagi Aspek Keintelektualan Tenaga Pengajar	120
5.5	Min Item-item Bagi Aspek Kemahiran Teknikal Dan Pengetahuan Keusahawanan	123
5.6	Min Purata Bagi Pernyataan Masalah Bagi Kajian Kekuatan Niat Keusahawanan	110
		126

SENARAI SIMBOL

α - Alpha Cronbach

% - Peratus

SENARAI SINGKATAN TATANAMA

DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
MPPB	-	Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera
PROTON	-	Penubuhan Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd
PERODUA	-	Perusahaan Automobil Kedua Berhad
MIGHT	-	Industry Government Group for High
MEDEC-UITM	-	Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia di Universiti Institut Teknologi MARA Sangat Tidak Setuju
PUNB	-	Perbadanan Usahawan Nasional Bhd
PROTIF	-	Persatuan Pengusaha Automotif Bumiputera Negeri Johor Tidak Pasti
PROSPER	-	Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan
IKM	-	Institut Kemahiran Mara
ILP	-	Institut Latihan Perindustrian
IKBN	-	Institut Kemahiran Belia Negara
PUTEK	-	Program Usahawan Teknologi
MLVK	-	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
SPMV	-	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PKEN	-	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri

PPU	-	Pelan Pengajaran Usahawan
GEM	-	Global Entrepreneurship Monitor
SPSS	-	Statistical Package For Sosial Sciences
STM	-	Sangat Tidak Mempengaruhi
TM	-	Tidak Mempengaruhi
TP	-	Tidak Pasti
M	-	Mempengaruhi
SM	-	Sangat Mempengaruhi
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Kebenaran Mendapat Maklumat	147
B	Laporan Enrolmen Pelajar ILP Pasir Gudang	148
C	Laporan Enrolmen Pelajar IKM Jasin	149
D	Soal Selidik	150-157
E	Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis	158
F	Keputusan Analisis Kajian	159-175

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Niat merupakan asas penting dalam apa jua pekerjaan yang ingin dilakukan. Di dalam Islam niat seseorang itu akan menentukan arah tuju pekerjaannya. Tanpa niat yang betul akan merugikan masa depannya yakni kehidupan di akhirat. Ada pekerjaan yang halal tetapi disebabkan niatnya itu tidak halal dan tidak tentu arah tujunya, maka hasil yang diperolehi tidak membawa apa-apa keberkatan, sekadar melepaskan dirinya untuk hidup semata malahan mengundang pula pelbagai musibah dan bencana menimpanya. Ini bererti bukan sahaja pekerjaan yang harus halal, niat juga harus halal supaya dilimpahi dengan keberkatan dan kemakmuran.

Begitu juga pentingnya niat dalam menjalankan perniagaan. Kebanyakan peniaga memulakan perniagaan dengan berkira-kira berapa untung ruginya, sedangkan ikhtiar usahanya harus disandarkan kepada Allah s.w.t. yang memberi rezeki dari segi untung ruginya. Tidak dinafikan orang yang berniaga perlukan keuntungan, tapi harus diniatkan

kerja itu kerana Allah terlebih dulu, kerana niat itulah penentu keberkatan dalam perniagaannya. Orang yang berniaga harus punya niat untuk mencari keredhaan Allah s.w.t. disamping menegakkan hukum-hukum Allah s.w.t. sepanjang perniagaannya itu. Bukan untung sahaja menjadi tujuan niatnya, malahan niat itulah yang menjadi aset utama nadi perniagaannya.

Konsep perniagaan harus jelas iaitu bukan sahaja keuntungan yang dicari tetapi juga bagaimana untuk mempraktikkan hidup beribadat semasa menjalankan aktiviti perniagaan. Di sinilah pengetahuan agama memainkan peranan yang penting. Kejahilan terhadap pengetahuan agama dalam industri perniagaan bukanlah halangan; tetapi yang penting mendapatkan mentor-guru (yang arif agama) bagi mendidik, membimbing dan menunjuk ke arah jalan kehidupan yang benar supaya hasil atau rezeki dalam perniagaan itu mendapat “Mardatillah”, dan dapat di manfaatkan kepada agama dan masyarakat Islam amnya.

Kehalalan dalam perniagaan bermula dengan setiap yang halal. Bermula dari niat yang halal (jelas), sumber kewangan yang halal, diikuti dengan cara (sistem) perniagaan yang halal sehinggalah bahan-bahan perniagaan yang halal. Kesemua itu merupakan intipati kepada proses untuk mendapatkan rezeki yang benar-benar halal daripada usaha yang dilakukan.

Di samping itu juga perbuatan untuk menegakkan hukum-hukum Allah sepanjang tempoh perniagaan juga adalah antara syarat-syarat untuk menjamin kehalalan usaha perniagaan tersebut. Dengan tidak meletakkan Allah sebagai tujuan utamanya, yang pasti perniagaan itu hanya bersifat keduniaan semata-mata. Wang hasil perniagaan tersebut tidak dinilai sebagai kebajikan malahan sebaliknya. Hilang keberkatan dalam hidup kerana niat yang tidak benar.

Kejayaan seseorang usahawan dalam dunia perniagaan bergantung kepada sejauh mana kemampuannya dalam mentaati perintah Allah s.w.t. dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Kejahilan dalam memahami hukum-hukum agama serta perlaksanaannya akan menyebabkannya tersimpang jauh dari menikmati rezeki yang halal. Rezeki yang halal menuntun pemiliknya ke arah jalan yang selamat di dunia langsung ke akhirat. Berbekalkan rezeki yang halal memberinya laluan yang selamat untuk meniti titian siratul mustaqim, yang akhirnya menuju ke syurga Allah. Syurga hanya dibina oleh Allah s.w.t. untuk darah daging yang halal.

Dari segi konteks keusahawanan juga ia memberikan satu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Daripada aktiviti keusahawanan yang berteraskan dengan niat maka ianya akan membolehkan kita menentukan dan mengetahui tahap-tahap kemajuan yang telah dicapai oleh sesebuah masyarakat dan negara (Ab Aziz, 2003). Keusahawanan ialah satu proses menjalankan perniagaan sendiri (Greene, 2000). Konsep keusahawanan hanya popular dalam kalangan masyarakat Malaysia pada pertengahan tahun 1970-an. Konsep ini mula timbul dalam konteks penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), yang bertujuan menyusun semula masyarakat dengan mewujudkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Salah satu langkah yang boleh dilaksanakan ialah menambah golongan usahawan yang berjaya, iaitu dengan mewujudkan seberapa ramai usahawan yang melibatkan diri secara langsung dan aktif dalam menguruskan perniagaan sendiri serta mempunyai daya tahan dan daya saing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Jika dilihat pada hari ini, minat untuk menjadi usahawan bukan lagi merupakan sesuatu yang asing dalam kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi jika dibandingkan dengan mahasiswa-mahasiswa pada tahun 60-an dan

70-an dahulu. Pada hari ini, perkembangan yang pesat dalam pertumbuhan ekonomi negara ekoran daripada penglibatan masyarakat dalam bidang perniagaan.

Seiring dengan kepentingan salah satu sumber ekonomi negara seperti sektor perindustrian automotif yang mana merupakan salah satu sumbangan sumber ekonomi negara yang besar, dari segi sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sektor automotif bermula dengan pengimportan kenderaan yang siap dan kemudiannya berkembang kepada operasi pemasangan serta pembangunan industri komponen automotif. Penubuhan Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON) pada tahun 1983 diikuti dengan Perusahaan Automobil Kedua Berhad (PERODUA) pada tahun 1993 bertindak sebagai pemangkin kepada perkembangan sektor automotif. Ini menandakan bermulanya fasa baru bagi sektor automotif Malaysia di mana teknologi dan kemampuan tempatan dibangunkan sejajar dengan Pelan Induk Industri Kerajaan (Laporan Tahunan 2002 Industry Government Group for High (MIGHT), 2002). Oleh yang demikian kajian ingin mengupas sedalam manakah kaitan kekuatan niat keusahawanan (*entrepreneurs intention*) di kalangan pelatih industri automotif ini dapat menyahut cabaran kerajaan untuk melahirkan sebanyak mungkin usahawan yang memiliki kemahiran automotif membuka perniagaan dalam industri automotif secara lebih serius apabila mereka telah tamat menjalani latihan ini.

Namun usaha ke arah pembentukan generasi yang membudayakan semangat keusahawanan ini adalah sesuatu yang amat memerlukan bantuan daripada pelbagai pihak yang mampu memberikan aura keusahawanan dalam diri pelatih tersebut. Sebagai pusat latihan industri automotif, peranan melahirkan pelatih yang mampu berdikari sememangnya amat diharapkan, oleh itu peranan pelatih itu sendiri, tenaga pengajar, kurikulum, kaedah pengajaran amatlah penting agar ianya boleh menjadi dorongan, sokongan dalam merangsang semangat pelatih untuk terus maju dan berjaya dalam

bidang kerjaya keusahawanan automotif ini. Di sini peranan niat juga perlu dititikberatkan bagi mendapat keberkatan dalam memulakan sesuatu pekerjaan kerana dengan berniatlah ia akan mengukuhkan sesuatu tindakan dan pekerjaan bagi setiap manusia agar apa yang dilakukan sentiasa diredhai.

Di Malaysia, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia di Universiti Institut Teknologi MARA (MEDEC-UITM) mempelopori usaha memperkenalkan keusahawanan sebagai suatu pengajian iaitu sejak ditubuhkan pada tahun 1975 sebagaimana diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976 hingga 1980). Selain itu, pada tahun 1995, Kementerian Pembangunan Usahawan ditubuhkan untuk membangunkan keusahawanan dalam kalangan murid, pelajar institut pengajian tinggi dan anggota masyarakat keseluruhannya. Dalam konteks pendidikan, pendidikan keusahawanan merupakan langkah utama untuk menanamkan kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan. Sesetengah institusi-institusi pengajian tinggi tidak memberikan penekanan dalam usaha untuk menanamkan kecenderungan usahawan kepada pelajar. Sehubungan dengan itu, Zaidatol dan Habibah (1997) menyatakan bahawa latihan keusahawanan perlu diperbanyakkan di mana semua individu yang telah mempunyai pendidikan asas dalam bidang yang khusus boleh dikembangkan potensinya untuk bekerja sendiri melalui latihan keusahawanan ini. Latihan ini perlu kerana terdapat hubungan yang positif antara pendidikan keusahawanan dengan kejayaan usahawan. Di pusat-pusat pengajian di seluruh dunia, keusahawanan diperkenalkan sebagai satu disiplin dan pembangunan keusahawanan menjadi satu trend.

Kajian ini dijalankan untuk melihat kekuatan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar kursus automotif di Institut Kemahiran Mara, Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Kejuruteraan E-Access Sdn Bhd yang dipilih menjadi responden. Ini adalah kerana dengan adanya niat yang kuat beserta dengan sikap minat

dan ingin mempolopori sesuatu bidang keusahawanan yang berkaitan dengan kemahiran yang diperolehi dengan pendidikan secara tidak langsung dapat melahirkan belia atau generasi yang akan menjadi sumber tenaga, sumber ekonomi dan modal insan bagi pembangunan negara pada masa akan datang. Kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada ibubapa tentang betapa pentingnya peranan dan keprihatinan mereka terhadap potensi dan semangat keusahawanan di dalam diri anak-anak mereka. Sehubungan dengan itu, secara tidak sengaja tindakan mereka ini dapat membantu usaha kerajaan untuk melahirkan usahawan pelapis seiring dengan matlamat kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

1.1 Latar Belakang Masalah

Institut Kemahiran Mara, Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Kejuruteraan E-Access Sdn Bhd merupakan antara pusat latihan yang berfungsi untuk melatih para belia dalam pelbagai kemahiran vokasional bagi memenuhi pelbagai sektor pekerjaan yang berasaskan kepada kemahiran yang diperlukan. Selaras dengan kepesatan perindustrian dan permintaan terhadap sumber tenaga manusia untuk menambahkan bilangan gunatenaga mahir bumiputera dan bukan bumiputera dalam beberapa bidang dan tahap kemahiran bagi sektor perdagangan dan perindustrian di samping mewujudkan sumber bakal-bakal usahawan.

Menurut Awang Mohamad (1999), pemilihan kerjaya merupakan satu perkara yang penting dalam perkembangan seseorang dan dengan itu perlu dibuat dengan teliti kerana tindakan tersebut memberi kesan jangka panjang terhadap masa depannya.

Malahan, mendapat pekerjaan merupakan suatu impian dan kemestian pada setiap individu yang telah tamat tempoh pengajian, tidak kira apa taraf kelulusan akademik yang diperolehinya (Bloch,1995). Menurut Dr. Peter Shephard (1989) pula, pekerjaan mempunyai potensi untuk memenuhi bukan sahaja keperluan ekonomi seseorang tetapi juga memberikan atau memenuhi keperluan sosial dan peribadi seseorang. Selain dari itu, seseorang itu juga, mungkin akan selesa dan kurang rasa tertekan sekiranya kerjaya yang dipilihnya bersesuaian dengan konsep kendirinya.

Melalui satu kajian, persatuan mendapati usahawan automotif Bumiputera di Johor ketinggalan agak jauh berbanding rakan-rakan bukan bumiputera, terutamanya di dalam soal penjualan.

"Protif mendapati usahawan Bumiputera hanya mampu mencapai penjualan di sekitar RM15,000 sebulan berbanding rakan bukan Bumiputera di mana penjualan sebulan mereka mencapai sehingga RM100,000 hingga RM200,000 sebulan. Mereka perlu meningkatkan penjualan bagi memastikan perniagaan usahawan automotif Bumiputera tersebut bukan sahaja stabil untuk jangka masa pendek dan sederhana tetapi juga berkembang pada jangka masa panjang," katanya.

(Oleh Mustakim Sihap, 2009)

Untuk menggalakkan usahawan Bumiputera menceburi bidang ini, kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi terutamanya Majlis Amanah Rakyat (MARA) boleh membantu dengan mewujudkan program-program keusahawanan automotif.

Berdasarkan kepada subsektor kecil kelengkapan pengangkutan pula, sebahagian besar pertumbuhan dijana daripada industri automotif meningkatkan sumbangannya kepada jumlah nilai ditambah sektor pembuatan daripada 11.0 peratus pada tahun 2000

kepada 12.9 peratus pada tahun 2005. Jumlah kapasiti pengeluaran bagi pemasangan kenderaan bermotor meningkat pada kadar 55.0 peratus daripada 572,000 unit pada tahun 2000 kepada 891,000 unit pada tahun 2005. Kemajuan yang sama turut dicapai dalam industri komponen dan alat ganti automotif dengan peningkatan bilangan syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dalam rantaian bekalan tempatan dan global. Industri keluaran logam berkembang pada kadar purata 7.1 peratus setahun dalam tempoh rancangan dan mengekalkan sumbangannya kepada jumlah nilai ditambah sektor pembuatan sebanyak 4.9 peratus. Namun, negara kita masih lagi kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir di dalam industri automotif tersebut. Dengan ini kajian dijalankan bagi menyahut cabaran yang disumbangkan melalui galakan belia dan pelatih yang telah tamat latihan industri automotif menceburi bidang keusahawanan sebagai langkah untuk memastikan sumbangan yang diberikan dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (2006-2010) dalam mempergiatkan sektor pembuatan dan perkhidmatan dapat dicapai.

Walaupun industri hiliran automotif di Johor dianggarkan bernilai RM3 bilion setahun, penglibatan pengusaha Bumiputera dalam sektor itu adalah amat kecil, demikian menurut kajian Persatuan Pengusaha Automotif Bumiputera Negeri Johor (Protif). Presidennya Mustakim Sihap berkata walaupun nilai industri hiliran automotif di Johor termasuk sektor hulu dan hiliran itu adalah lumayan, tetapi apa yang mendukacitakan adalah hanya dua peratus dikuasai oleh pengusaha Bumiputera.

"Industri automotif amat berdaya maju dan berpotensi untuk mewujudkan usahawan-usahawan Bumiputera. Kita berharap kerajaan dan agensinya dapat melakukan sesuatu untuk meningkatkan pegangan pasaran pengusaha automotif Bumiputera terhadap industri tersebut di Johor,"

(Oleh Mustakim Sihap, 2009)

Justeru itu, kursus latihan seperti automotif ini seharusnya dipraktikkan bukan sahaja untuk bekerja secara makan gaji malah melalui bidang keusahawanan ini juga ianya dapat memberikan kepuasan terhadap pelajar itu untuk meneruskan kemahiran yang diperolehi secara lebih mendalam. Kebijaksanaan dalam meneruskan bidang yang dipilih oleh pelajar ke arah usahawan yang berjaya seharusnya dapat memberi kesinambungan dengan bidang pekerjaan dikalangan para pelatih di Institut Kemahiran Mara, Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Kejuruteraan E-Access Sdn Bhd, khususnya dalam bidang automotif ini dapat memberikan faedah untuk menentukan masa depan kerjaya mereka.

Penekanan tentang teknik pengajaran yang dipraktikkan oleh tenaga pengajar di pusat industri dalam mendorong niat dan minat pelatih automotif ini menjurus ke dalam bidang keusahawanan secara lebih serius dalam menyahut cabaran industri kini juga menjadi salah satu faktor kepada melahirkan lebih ramai pelatih yang bersedia untuk menceburkan diri dalam kerjaya keusahawanan. Pelbagai teknik pengajaran dapat dilihat namun ianya masih tidak memberikan implikasi kepada pelatih automotif untuk bergiat di dalam bidang keusahawanan dengan sepenuh jiwa dan raga. Hasilnya masih ramai lagi pelatih yang telah mempunyai kemahiran teknikal automotif ini tidak menggunakan sepenuhnya kemahiran mereka ke arah bidang yang sepatutnya diceburi.

Berdasarkan Jadual 1.1 di bawah, berikut adalah senarai kursus bagi subjek keusahawanan peringkat sijil dan diploma mengikut jam kredit yang digariskan dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran kursus keusahawanan (*entrepreneurship*) di Institut Kemahiran Mara (IKM).

Jadual 1.1 : Senarai Subjek Keusahawanan di IKM

Semester	No Kod	Subjek	Kredit	Teori	Jam semester
1	EUK1011	Entrepreneurship	1	1	19
2	EUK2111	Business Planning	1	1	19
3	EUK3211	Entrepreneurial Project	1	1	19
JUMLAH					57 jam

Kurikulum kursus keusahawanan yang telah dijalankan mengikut dasar kurikulum yang ditetapkan tetapi sejauhmana proses pengajaran dan pembelajaran untuk menyerap pelatih ke arah bidang keusahawanan ini sudah mencukupi dan berjaya untuk mengeluarkan bakal pelatih yang bersedia ke arah kerjaya keusahawanan telah dapat dicapai. Maka di sini jelas menunjukkan bahawa kurikulum memang telah disusun dengan baik oleh pihak pengurusan akademik institusi, namun keberkesanan kursus tersebut masih tidak begitu memberangsangkan kerana pelatih hanya didedahkan dengan proses pembelajaran secara teori tidak secara praktikal sebagaimana kursus asas keusahawanan (*entrepreneurship*) dijalankan di peringkat IPT dan IPTS. Pelatih hanya menjalani kursus keusahawanan ini sebagai subjek elektif mereka dan hanya perlu mengambil kursus ini sebagai syarat dalam semester tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti adakah keperluan kurikulum itu benar-benar menepati dan boleh mendorong pelatih ke arah kekuatan niat keusahawanan atau sebaliknya.

Kegagalan pelaksanaan ini pasti akan mengundang pelbagai persoalan isu seperti sejauh manakah keberkesanan program dan latihan yang ditawarkan di institut-institut latihan belia seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan

Perindustrian (ILP) dan Institut Giat MARA (Giat MARA) membentuk dan memupuk pelajar-pelajarnya ke arah ciri-ciri keusahawanan khasnya dalam amalan, niat, minat dan sikap terhadap kerjaya keusahawanan ini. Penglibatan para pelajar yang tidak menyeluruh di mana ianya hanya dijalankan di institut-institut yang terpilih sahaja menyebabkan aspirasi untuk memilih kerjaya usahawan ini agak rendah. Sambutan pelatih yang kurang dalam bidang keusahawanan ini juga disebabkan oleh faktor keyakinan serta tidak bersedia untuk menghadapi risiko kegagalan walaupun terlibat dalam program dan latihan yang disediakan oleh institut. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana niat keusahawanan di kalangan belia yang dipilih menjadi responden. Ini adalah kerana aspirasi atau niat yang kuat (*entrepreneurs intention*) merupakan sesuatu perkara penting yang dapat mendorong niat keusahawanan para pelatih dalam kerjaya mereka secara berdikari.

1.2 Pernyataan Bagi Masalah

Penglibatan para pelatih yang tidak menyeluruh serta kaedah pengajaran kurikulum keusahawanan yang dijalankan di institut-institut latihan juga merupakan salah satu faktor yang boleh memberikan aspirasi dan kekuatan kepada niat keusahawanan dalam diri pelatih untuk memilih kerjaya usahawan ini sebagai bidang yang boleh diceburi secara serius. Namun peratusan penglibatan pelatih itu sendiri masih agak rendah. Sambutan pelatih yang kurang dalam bidang keusahawanan ini juga disebabkan oleh faktor keyakinan serta tidak bersedia untuk menghadapi risiko kegagalan walaupun terlibat dalam program dan latihan yang disediakan oleh institut.

Oleh itu niat, minat, gaya pengajaran, kelengkapan dan kurikulum kursus keusahawanan ini menjadi penentu kepada pelatih untuk meneruskan kemahiran yang diperolehi lebih komersial dalam pasaran industri dan melahirkan pelatih automotif yang boleh berdikari.

Kajian akan memberi penumpuan kepada beberapa aspek yang berkaitan dengan usaha merangsang kekuatan niat keusahawanan (*entrepreneurs intention*) ini di kalangan pelatih industri automotif agar kemahiran yang diperolehi ini tidak setakat hanya untuk mendapatkan sijil dan diploma, malahan kebolehan dan kepakaran latihan kemahiran ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu bidang pekerjaan yang mana mendatangkan sumber pendapatan secara menjalankan perniagaan apabila mereka tamat latihan nanti. Oleh itu, niat keusahawanan ini perlulah ditanam dalam diri pelatih sejak dari awal pengajian mereka agar setelah tamat latihan, para pelatih industri automotif ini boleh membuka minda dan pemikiran mereka dalam bidang kerjaya keusahawanan selain hanya mengharapkan sumber pendapatan secara makan gaji daripada majikan.

1.3 Objektif Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, maka beberapa objektif dinyatakan seperti berikut :-

- a. Melihat sejauhmana sikap dan kemampuan mempengaruhi pelatih industri automotif ini menjadi usahawan.
- b. Mengetahui sejauhmana minat keusahawanan yang ada dalam diri pelatih industri automotif untuk memilih kerjaya sebagai usahawan setelah tamat latihan.

- c. Meninjau sejauhmana modul kurikulum keusahawanan menyediakan pengetahuan asas untuk menceburi bidang keusahawanan.
- d. Mengetahui sejauhmana keintelektualan tenaga pengajar dapat mempengaruhi pelatih ke arah keusahawanan.
- e. Mengetahui sejauhmana kemahiran teknikal dan pengetahuan yang diperolehi dapat membantu pelatih automotif menceburi bidang keusahawanan.

1.4 Persoalan Kajian

- a. Apakah sikap dan kemampuan pelatih automotif mempengaruhi mereka menjadi usahawan?
- b. Apakah minat keusahawanan dalam diri pelatih industri automotif mempengaruhi mereka untuk memilih kerjaya sebagai usahawan setelah tamat latihan?

- c. Apakah kandungan modul kurikulum keusahawanan yang disediakan dapat memberi panduan asas kepada pelatih untuk menceburi bidang keusahawanan?
- d. Apakah keintelektualan tenaga pengajar yang mempengaruhi pelatih ke arah bidang keusahawanan?
- e. Apakah kemahiran teknikal dan pengetahuan yang diperolehi pelatih automotif dapat membantu mereka menceburi bidang keusahawanan?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberikan maklumat yang baik dan berguna kepada semua pihak umumnya dan khususnya pihak yang terlibat secara langsung di dalam bidang pendidikan Teknik dan Vokasional serta Kemahiran. Kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu.

1.5.1 Kementerian Pendidikan

Penyelarasan pendidikan keusahawanan oleh pihak kementerian pendidikan dan teknikal dalam latihan kemahiran agar ia selaras dengan

kehendak industri yang ingin melahirkan usahawan belia yang berjaya dengan bidang yang diceburi. Dengan memberikan penekanan terhadap bidang kerjaya yang bersesuaian dengan kemahiran yang dijalani oleh pelatih. Selain itu kajian ingin membantu agar penyusunan kurikulum yang sesuai dalam bidang keusahawanan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan kepada pelatih.

1.5.2 Pelatih Industri Automotif

Membuka minda dan peluang kepada pelatih agar berani mencuba bidang keusahawanan ini sebagai alternatif mereka menentukan hala tuju kerjaya yang baru untuk diterokai selain dengan cara makan gaji. Dan seterusnya menjadikan bidang kemahiran yang dipelajari akan berterusan digunakan dan bermanfaat untuk pada masa akan datang dan selama-lamanya. Setiap latihan kursus yang dijalani oleh pelatih ada kegunaannya dalam industri kerja, oleh itu setiap pelatih seharusnya pandai dalam mengaplikasikan kemahiran dipelajari untuk menyumbang kepada pembangunan industri negara.

1.5.3 Pusat Latihan Industri Automotif

Kajian ini juga dapat membantu Pusat Latihan Industri Automotif seperti Pusat Latihan Perindustrian (ILP), Institut kemahiran Mara (IKM) dan Pusat Latihan Kejuruteraan E-Access Sdn Bhd yang menjalankan program industri automotif ini berusaha untuk mempertingkatkan lagi usaha kearah melahirkan para pelatih yang berkecimpung dan berminat dalam industri keusahawanan selaras dengan kehendak keperluan tenaga kerja dalam industri ini diperlukan.

1.5.4 Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar dapat mengenal pasti tahap kemampuan pengajaran yang boleh mendorong kepada minat dan seterusnya menimbulkan niat kepada pelatih dalam bidang keusahawanan yang selaras dengan bidang kemahiran teknikal automotif apabila tamat latihan. Selain itu kajian juga membantu tenaga pengajar memahami kemampuan dalam mengukur keupayaan dan kebolehan mereka dalam menentukan sejauh mana peluang dan pembabitan mereka dalam sesuatu bidang. Selain itu, kajian ini juga memberi pendedahan kepada tenaga pengajar supaya menggunakan strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya kemahiran teknikal di kalangan pelatih khususnya dapat ditingkatkan. tenaga pengajar untuk menerapkan kesesuaian teknik pengajaran keusahawanan yang boleh dijadikan panduan kepada tenaga pengajar dalam merealisasikan kerjaya keusahawanan ini menjadi pilihan kepada pelatih selain daripada bekerja secara makan gaji dan berdikari.

1.6 Skop Dan Batasan Kajian

Kajian ini secara umumnya adalah untuk meninjau sejauhmana bidang keusahawanan ini menjadi pilihan terhadap kerjaya pelatih nanti. Dalam kajian ini, pengkaji menghadkan kajiannya dengan menggunakan responden dari pelatih Institut Kemahiran Mara (IKM) Jasin, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Pusat Latihan Kejuruteraan E-Access di Kulaijaya. yang berada di dalam semester 4-6 dalam bidang automotif. Pemilihan pelatih semester 4-6 ini adalah untuk melihat sejauhmana mereka didedahkan kepada bidang keusahwanan semasa dalam pengajian dan kerana


pelatih ini berkemungkinan besar mempunyai niat keusahawanan dan boleh merebut peluang pekerjaan apabila tamat latihan nanti.

1.7 Kerangka Konsep

Daripada aspek-aspek yang dapat dilihat, penyelidik telah menghasilkan rangka kerja yang sesuai dengan skop kajian penyelidik yang menggabungkan kesemua aspek di atas menjadi lebih ringkas dan mudah difahami. Penyelidik menghasilkan tiga elemen utama seperti yang dinyatakan di bawah:-

- i. Masukan (input) – Kekuatan Niat Keusahawanan dijadikan sebagai elemen untuk dikaji dalam kajian kesesuaian perlaksanaan ini. Elemen ini melibatkan sokongan daripada pihak Kementerian Teknikal, Pusat latihan kemahiran, tenaga pengajar, dan pelatih automotif.
- ii. Proses (Conversion process)– Aspek yang akan dikaji iaitu latar belakang, sikap dan kemampuan pelatih, minat dan niat pelatih, kesesuaian kurikulum modul keusahawanan dalam pusat latihan, teknik pengajaran dan pembelajaran keusahawanan, kemampuan dan kemahiran tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan dan seterusnya kemampuan pelatih untuk berdikari selepas mengikuti latihan dan pengetahuan dalam keusahawanan.

- iii. Keluaran (output) – hasil kajian akan melihat samada aspek-aspek yang diketengahkan dapat membantu untuk menguatkan niat keusahawanan dalam diri pelatih atau sebaliknya.



Rajah 1.2 : Kerangka Konsep Kekuatan Niat Keusahawanan

1.8 Definisi Terminologi

Di dalam kajian ini terdapat beberapa definisi atau istilah yang digunakan oleh penyelidik bagi menjelaskan dan menerangkan maksud perbendaharaan kata yang hendak disampaikan bertujuan mengelakkan kekeliruan di samping dapat memberikan kemudahan untuk memahami maksudnya. Di antara definisi atau istilah yang akan digunakan ialah seperti berikut :-

1.8.1 Niat

Niat adalah maksud atau keinginan kuat dalam hati untuk melakukan sesuatu. Dalam terminologi syarie niat bererti keinginan melakukan ketaatan kepada Allah dengan melaksanakan perbuatan atau meninggalkannya.

1.8.2 Usahawan / Entrepreneurship:

Keusahawanan sesuatu baru (kreatif) dan sesuatu berbeza (inovatif) untuk mencipta kekayaan untuk individu dan menambahkan nilai kepada masyarakat (Kao, 1995).

Kuratko dan Hodgetts (2004) mendefinisikan usahawan sebagai:

“Seorang yang berusaha untuk mengatur, mengurus dan mengambil risiko di dalam perniagaan. Usahawan juga adalah pemangkin kepada perubahan ekonomi yang menggunakan carian dengan maksud tertentu, perancangan teliti dan pertimbangan yang sesuai apabila membuat sebarang proses perniagaan. Dengan optimistik dan komited, usahawan bekerja dengan kreatif untuk memperolehi sumber baru dan memperbaharui

sumber yang lama kepada kapasiti yang baru, semua ini hanya bertujuan untuk mencipta keuntungan.

1.8.3 Pelatih

Pelatih merupakan orang yang sedang menerima latihan, Kamus Dewan (1993). Pelatih dalam kajian ini merujuk kepada pelatih di Institut Kemahiran Mara, Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Kejuruteraan E-Access Sdn Bhd.

1.8.4 Industri Automotif

Kursus Automotif adalah kursus yang melibatkan kerja-kerja latihan menyelenggara, merombakrawat dan membaikpulih kenderaan dimana ianya melibatkan beberapa sistem seperti sistem enjin, sistem autoelektrik, sistem penghantaran, sistem brek, sistem penyamanan udara kereta, sistem gantungan dan sistem stering.

1.8.5 Kerjaya

Menurut Hoult dan Ford (1969) di dalam Hishamuddin Tajuddin (1995) menyatakan bahawa kerjaya merupakan satu proses yang berterusan dan memakan masa yang agak panjang. Ini bermakna seseorang itu perlu memikirkannya dengan sebaik mungkin untuk memilih kerjayanya agar ia mendapat kepuasan bekerja yang maksimum.

1.9 Penutup

Jurusan industri automobil di peringkat sijil dan diploma sememangnya membolehkan banyak peluang pekerjaan di dalam bidang kerjaya pada masa akan datang. Salah satu bidang yang perlu menjadi perhatian kepada pelatih kursus tersebut adalah menceburi bidang keusahawanan automobil seperti mana yang digalakkan oleh badan-badan tertentu di dalam menggalakkan belia lepasan kursus ini menceburkan diri dalam bidang keusahawanan ini secara lebih serius dan mendalam.

Namun begitu, dorongan dan galakan yang diberikan seharusnya seiring dengan kekuatan niat dalam diri individu atau pelatih itu sendiri untuk menentukan keupayaan dan kesungguhan dalam menceburi bidang keusahawanan ini sebagai peluang kerjaya selepas tamat latihan. Niat keusahawanan ini perlu didorong dari awal pendidikan keusahawanan yang diterapkan dalam modul kursus yang diwajibkan oleh pihak institut dalam membantu pelatih membuka mata dan memasang niat yang kuat dalam keusahawanan ini. Dengan mengikuti kursus keusahawanan yang sedia ada dalam modul tersebut nescaya ini akan membantu pelatih mempelajari selok belok untuk membuka sesebuah perniagaan yang berdasarkan kemahiran yang diperolehi dengan lebih efektif dan sekaligus memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara.

BIBLIOGRAFI

Ab Aziz, Y. (2003). *Prinsip Keusahawanan*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall.

Al-Dobbous, J. 1990. *An Evaluation of Training Programmes for Teacher of English in Kuwait with Special Referenceto Intermediate School*. Disertasi Ph.D. University of Wales, Cardiff.

Ajzen, I. (1987), “Attitudes, Traits and Actions: Dispositional Prediction of Behaviour in Personality and Social Psychology”, *Advances in Experimental Social Psychology*, 20: 1-63

Ajzen, I. (1991) “The theory of planned behaviour.” *Organisational Behaviour and Human Decision Processes* 50(2):1-63. Bird, B. (1988), “Implementing Entrepreneurial Ideas: The case for intention, *Academy of Management Review*, 13(3): 442-453

Awang Mohamad (1999). “Hala tuju Pelajar-Pelajar Kejuruteraan Elektrik (Domestik dan Industri), Selepas tamat Pengajian Di Institiut Kemahiran MARA”. Projek Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.

Bird. (1989). The Roman God Mercury: An Entrepreneurial Archetype. *Journal of Management Enquiry*. Vol 1 (3)

Bloch S. and Bates T. (1995). “Employability”. London : Kogan Page Ltd.

- Bloom, B. S. (Ed.) (1989). "Taksonomi Objektif Pendidikan." (Abdullah Junus).
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (1979).
- Boyd, N.G. & Vozikis, G.S. (1994). The influence of self-efficacy on the development of entrepreneurial intentions and actions. *Entrepreneurship: Theory and Practice*.
- Cohen, L & L. Manion. 1994. *Research Methods in Education*. 4ed. New York:Routledge. Fink, A. & J. Kasecoff. 1985. *How to Conduct Survey. A Step by Step Guide*. London: SAGE Publication.
- Collins, L., Hannon P.D. & Smith, A. 2004. Enacting Entrepreneurial Intent: The Gap Between Students Needs and Higher Education Capabilities. *Education & Training*. 46(8/9):
- Dana, L. 2001. The Education and Training of Entrepreneurs in Asia. *Education & Training*. 43(8/9): 405-416.
- Dr. Peter Shephard (1989), "Panduan Perancangan Hidup Dan Kerjaya." Selangor : Fong and Sons Printers Pte. Ltd.
- Foxon, M. 1990. Using Simulations to Enhance Technical Training. *Journal of European Industrial Training*. 14 (4):23-67.
- Garavan, T.N. & Cinneide, B.O. 1994. Entrepreneurship Education and Training *Industrial and Training*. 18(8): 3-13.

- Greene. (2000). The Power of Entrepreneurial Vision Vocational Education, *Educational Journal*. Vol 64 (8): ms 28-29.
- Hishamuddin Tajuddin (1995). “ Hala Tuju Pelajar-Pelajar Kejuruteraan Elektrik (Juru Elektrik dan Penjaga Jentera Elektrik) Selepas Tamat Pengajian di IKBN, Dusun Tua Satu Kajian Kes”. Tesis Sarjana Muda UTM.
- Hytti, Ulla & O’Gorman, Colm. 2004. What is “Enterprise Education”? An Analysis of the Objectives and Methods of Enterprise Education Programmes in Four European Countries. *Education + Training*. 46(1): 11-23.
- Jones, Colin & English, Jack. 2004. A Contemporary Approach to Entrepreneurship Education. *Education + Training*. 46(8/9): 416-423.
- Kao,John (1989),Entrepreneurship,Creativity,and Organization: Text Cases,Kogan Page Limited,London
- Kamus Dewan (1992). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1979). “ Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran (1979)”. Kuala Lumpur : Jabatan Cetakan Negara Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*.

Kent, C.A. 1990. Entrepreneurship Education at the Collegiate Level: A Synopsis and Evaluation. Dlm. Kent, C.A. (pnyt.). *Entrepreneurship Education: Current Developments, Future Direction*. New York: Quorum Books. Hlm. 111-122.

Kent. (1990). *Intergrating Entrepreneurship in the Secondary Curriculum: Economic and Other Courses*. *Entrepreneurship Education Connection*. Quorum Books.

Kerjcie, R. V. & D. W. Morgan. 1970. Determining Sample Size for Research Activities *Educational and Psychological Measurement*. 30:607-610.

Kolb, D. Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Kolb, D. A. 1984. *Experiential Learning*. Englewood Cliff, New Jersey: Prentice Hall.

Kuratko, D.F. & Hodgetts, R.M. 2004. *Entrepreneurship: Theory, Process and Practice*. 6th Edition. Ohio: South Western.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979

Laporan Kajian Persatuan Pengusaha Automotif Bumiputera Negeri Johor (Protif), 2009

Laporan Tahunan 2002 Industry Government Group for High (MIGHT), 2002

Malaysia. 2001. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010*.

Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*.

McDowell, L. 1993. Enterprise Education and Part-time Students. *Assesment & Evaluation in Higher Education*. 18 (3): 187-204

McClelland, D. C. (1965) Need achievement and entrepreneurship, A longitudinal study. *Journal of Personality and Social Psychology*, 1, 389-392.

Mohd Majid Konting (2000). “Kaedah Penyelidikan Pendidikan” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa

Mohd. Najib Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1997). *Pembinaan dan Analisis Data : Ujian Bilik Darjah*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.

Miller. (1998). Does a Traditional Business Prepare Students for Career In Small Business: A Study of Perceived Differences. *The Entrepreneurial Executive*. Vol 2 (1): ms 40-44.

Nunnally, J. C. 1978. *Psychometric Theory*. New York: McGraw-Hill.

Ramli Abdul Karim (2004), “Wawancara : usah Serik Tangani gejala Sosial” Kuala Lumpur : Mingguan Malaysia. Februari 1, 2004.

Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)

- Robiah Sidin (1998). "Pemikiran Dalam Pendidikan" Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin (1994). "Pendidikan di Malaysia: Cabaran Untuk Masa Depan". Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.Selangor : Darul Ehsan.
- Shahril @ Chairil Marzuki *et.al* (1998). "Pendidikan di Malaysia." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Shaw, M. 1992. Assesing Student Enterprise Capabilities. *Evaluation Practice in the Enterprise for Higher Education Initiative*. University of Bristol: 3-5.
- Subahan M. Meerah, Yeoh Sik Mei dan Lilia Halim (2004). *Strategi Daya Tindak Guru Bukan Opsyen Yang Mengajar Fizik*. Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Jilid 10 Oktober, hal 17-26
- Suhaida Abd. Kadir, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Noran Fauziah Yaakub, Habibah Elias & Rohani Ahmad
- Technology and Vocational Technical Education*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1(1):143-151.
- Zaidatol Akmaliah, L. P. (1993). Kemahiran Keusahawanan dalam Pendidikan Vokasional: Satu Jaminan Kerjaya. *Jurnal Pendidikan*. Vol 37 (78): ms 30-38.
- Zaidatol Akmaliah, L. P. dan Habibah, E. (1997). *Keusahawanan dan Motivasi diri*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.

Zaidatol Akmaliah, L. P., Mohd Majid, K., Ab Rahim dan Genevieve, K. A.
(1998). Entrepreneurial Aspirations of Secondary School Students Enrolled
in Vocational and Technical Subjects. *UPM Research Report*. Vol 2: ms 349.

Zainal Mohd Salleh dan Fauzi Mat Daud (1997). "Sekolah Untuk Kerja: Cadangan
Untuk Dipertimbangkan Dalam Sistem Pendidikan Malaysia." *Kertas Kerja
Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional*. UPM: "Tidak
diterbitkan."

Zulkifli bin Saidun,(1996) Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelatih
Institut Kemahiran Mara,Tesis Sajana Sains Pengurusan,Universiti Utara
Malaysia.

Enrolment Pelajar (Sesi Pengajian Jan - Jun 2009)

Bil	Kursus	Bilangan
1	Sijil Teknologi Kimpalan	106
2	Sijil Teknologi Penyelenggaraan Mesin	85
3	Sijil Teknologi Mekanikal Pembuatan	87
4	Sijil Kejuruteraan Mekanikal Lukisan & Rekabentuk	95
5	Sijil Kejuruteraan Automotif Komersial	106
6	Sijil Kejuruteraan Automotif Jentera Berat	84
7	Sijil Teknologi Baikpulih Badan Kenderaan	111
8	Sijil Kejuruteraan Elektrik & Domestik	131
9	Sijil Kejuruteraan Elektrik Kuasa	132
10	Diploma Teknologi Automotif	194
JUMLAH		1131



BIL

--	--	--

**KEKUATAN NIAT KEUSAHAWANAN (*ENTREPRENEURSE INTENTION*) PELATIH
INDUSTRI AUTOMOTIF TERHADAP KERJAYA USAHAWAN ERA TERKINI**

Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Para Pelatih Automotif yang dihormati sekalian,

Saya sedang menjalankan kajian mengenai persepsi kekuatan niat yang dapat timbul dalam kalangan pelatih industri automotif khasnya dalam kerjaya keusahawanan. Bersama ini disertakan satu borang soal selidik mengenai perkara tersebut. Saya amat berharap agar pelatih industri automotif dapat melibatkan diri dengan mengisi borang tersebut dengan lengkap. Proses ini hanya mengambil masa tidak lebih daripada 1 jam. Segala maklumat peribadi adalah RAHSIA dan hanya akan digunakan untuk kajian sahaja. Kesudian pelatih automotif yang melibatkan diri dalam kajian ini, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang Benar,

Normala binti Hj A.Razak
Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional,
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Skudai, Johor.

BAHAGIAN A
MAKLUMAT LATAR BELAKANG RESPONDEN

ARAHAN :

Sila jawab semua kenyataan dengan cara menandakan (/) dalam kotak yang berkenaan dan isikan tempat kosong dengan maklumat-maklumat yang dipilih.

1. Jantina
 - a. Lelaki ()
 - b. Perempuan ()

2. Keturunan dan Bangsa
 - a. Melayu ()
 - b. Cina ()
 - c. India ()
 - d. Lain-lain (Sila nyatakan:.....) ()

3. Umur
 - a. 15 – 20 tahun ()
 - b. 21 – 26 tahun ()
 - c. 27 – 32 tahun ()
 - d. 33 tahun dan ke atas ()

4. Kelulusan sijil dalam latihan automotif
 - a. PMR ()
 - b. SPM ()
 - c. STPM ()
 - d. Lain-lain. Nyatakan : _____ ()

5. Sekolah terakhir sebelum memasuki ke pusat latihan automotif.
- a. Sekolah Menengah Kebangsaan ()
 - b. Sekolah Menengah Teknik ()
 - c. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan ()
 - d. Sekolah Swasta ()
6. Pekerjaan ibu bapa
- a. Kerajaan ()
 - b. Swasta ()
 - c. Sendiri ()
 - d. Lain-lain. Nyatakan : _____ ()
7. Pengalaman bekerja sebelum menjalani latihan automotif di
- a. Sektor Swasta ()
 - b. Sektor Kerajaan ()
 - c. Sendiri ()
 - d. Lain-lain. Nyatakan : _____ ()
8. Sebab utama pemilihan kursus automotif.
- a. Minat. ()
 - b. Pilihan ibubapa ()
 - c. Peluang kerja luas ()
 - d. Tiada pilihan ()

BAHAGIAN B

**KEKUATAN NIAT KEUSAHAWANAN (*ENTREPRENEURSE INTENTION*) PELATIH
INDUSTRI AUTOMOTIF TERHADAP KERJAYA USAHAWAN ERA TERKINI**

BAHAGIAN B :

ARAHAN : Berikut adalah pernyataan tentang kekuatan niat keusahawanan pelatih automotif terhadap kerjaya keusahawanan. Sila tandakan dalam ruang yang disediakan berdasarkan pilihan berikut:

1	2	3	4	5
Sangat tidak mempengaruhi	Tidak Mempengaruhi	Tidak pasti	Mempengaruhi	Sangat Mempengaruhi

Di bawah ini adalah pernyataan mengenai *sikap dan kemampuan pelatih automotif mempengaruhi mereka menjadi usahawan*. Sila bulatkan pilihan pelatih berdasarkan skala diberi.

BIL	PENYATAAN SOALAN	1	2	3	4	5
1.	Perkembangan industri automotif membuka mata saya untuk merebut peluang melanjutkan pengajian dalam industri automotif kerana ianya memberi peluang kerjaya dalam keusahawanan.					
2.	Pengalaman kerja dalam bidang automotif sebelum memasuki latihan automotif ini sangat membantu saya memilih kerjaya usahawan selain kerjaya lain.					
3.	Saya yakin bidang automotif ini memberikan satu kerjaya yang baik kepada saya.					
4.	Objektif latihan kursus menjadikan saya lebih yakin dengan pilihan kursus ini.					
5.	Program ini membina tahap kepuasan kemahiran yang saya inginkan.					
6.	Tahap ilmu dan faedah yang saya perolehi sangat berguna untuk membantu saya membina kerjaya dalam industri ini.					
7.	Galakan ibubapa serta diri saya mendorong saya untuk memilih bidang automotif sebagai kerjaya.					
8.	Tahap kemampuan yang lebih terserlah dalam bidang automotif ini menambahkan					

	semangat saya dalam membina kerjaya berniaga.					
--	---	--	--	--	--	--

Di bawah ini adalah pernyataan mengenai *minat keusahawanan dalam diri pelatih industri automotif mempengaruhi mereka untuk memilih kerjaya sebagai usahawan setelah tamat latihan*. Sila bulatkan pilihan pelatih berdasarkan skala diberi.

BIL	PENYATAAN SOALAN	1	2	3	4	5
9.	Saya berasa semakin berminat untuk mendalami bidang keusahawanan automotif selepas mengikuti latihan keusahawanan yang diterapkan.					
10.	Dengan adanya minat dalam bidang teknikal ini secara tidak langsung ianya mendorong saya untuk membuka perniagaan sendiri.					
11.	Program keusahawanan dalam automotif ini membina tahap minda dan minat ke arah keusahawanan.					
12.	Kursus keusahawanan yang saya jalani menambahkan kekuatan minat saya terhadap keusahawanan.					
13.	Saya berminat dan bertambah yakin untuk mencuba bidang keusahawanan dalam automotif ini apabila tamat latihan nanti.					
14.	Cita-cita dan minat menguruskan perniagaan sendiri mendorong saya untuk menceburi bidang keusahawanan.					
15.	Dorongan keluarga agar saya membuka perniagaan sendiri menambahkan lagi minat saya menggunakan kemahiran automotif ini sebagai kerjaya usahawan.					
16.	Galakan dan bantuan dari pelbagai sektor industri menambahkan minat saya menceburi kerjaya keusahawanan.					

Di bawah ini adalah pernyataan mengenai *kandungan modul kurikulum keusahawanan yang memupuk telah dilaksanakan*. Sila bulatkan pilihan pelatih berdasarkan skala diberi.

BIL	PENYATAAN SOALAN	1	2	3	4	5
17.	Kandungan modul keusahawanan yang diajar mudah difahami dan relevan dengan matlamat kerjaya dalam keusahawanan.					
18.	Objektif modul keusahawanan menepati keperluan pengetahuan saya dalam bidang keusahawanan.					
19.	Modul keusahawanan ini boleh memupuk minat untuk saya membuka perniagaan.					
20.	Modul keusahawanan yang diperolehi ini boleh memberikan panduan untuk saya membuka perniagaan.					
21.	Penekanan modul oleh tenaga pengajar menaikkan semangat untuk saya menjalani bidang keusahawanan ini dengan lebih yakin.					
22.	Aras kandungan modul pengajaran ini sesuai dengan tahap saya.					
23.	Modul keusahawanan ini cukup memberikan pendedahan kepada saya.					
24.	Penerangan terperinci modul keusahawanan berkaitan dengan rancangan perniagaan dan contoh kejayaan dalam bidang keusahawanan ini membuatkan saya lebih bersedia untuk menuju ke arah bidang perniagaan.					

Di bawah ini adalah pernyataan mengenai *keintelektualan tenaga pengajar yang mempengaruhi pelatih ke arah kerjaya keusahawanan*. Sila bulatkan pilihan pelatih berdasarkan skala diberi.

BIL	PENYATAAN SOALAN	1	2	3	4	5
25.	Tenaga pengajar mempunyai tahap penguasaan ilmu keusahawanan yang tinggi.					
26.	Kemahiran penyampaian modul tenaga pengajar keusahawanan sangat berkesan.					
27.	Tenaga pengajar berpengalaman, berdaya cipta, kreatif dan inovatif.					
28.	Tenaga pengajar berkebolehan menjawab soalan berkenaan keusahawanan yang ditimbulkan.					

29.	Tenaga pengajar sentiasa berkomunikasi dengan baik dalam kelas dan sentiasa mendorong pelatih ke arah bidang keusahawanan.					
30.	Tenaga pengajar sentiasa menggalakkan pelatih untuk menggunakan kemahiran teknikal yang diperolehi membuka perniagaan sendiri.					
31.	Tenaga pengajar memberikan panduan asas dalam keusahawanan kepada pelatih dengan lebih terperinci.					
32.	Pengalaman tenaga pengajar yang pernah melibatkan diri dalam perniagaan sentiasa memberi dorongan kepada saya untuk membuka perniagaan.					

Di bawah ini adalah pernyataan mengenai *kemahiran teknikal dan pengetahuan yang diperolehi pelatih automotif dapat membantu mereka menceburi bidang keusahawanan*. Sila bulatkan pilihan pelatih berdasarkan skala diberi.

BIL	PENYATAAN SOALAN	1	2	3	4	5
33.	Saya berasa tahap kemahiran teknikal automotif dan asas pengetahuan dalam keusahawanan yang diperolehi perlu diterapkan berterusan bagi mendorong saya untuk menceburi kerjaya keusahawanan.					
34.	Saya lebih bersemangat untuk menceburi bidang keusahawanan setelah tamat latihan.					
35.	Saya masih lagi memerlukan lebih banyak latihan amali dalam automotif dan pengetahuan mendalam dalam keusahawanan.					
36.	Saya perlu berani menggunakan kemahiran teknikal ini untuk membina kerjaya keusahawanan.					
37.	Dengan cara mempraktikkan kemahiran teknikal automotif dan ilmu keusahawanan saya mampu menjadi seorang usahawan automotif berjaya.					
38.	Saya yakin dengan kemahiran teknikal yang saya jalani serta penerapan pengetahuan keusahawanan dalam latihan membantu saya					

	untuk membina perniagaan sendiri.					
39.	Kepakaran dalam kemahiran automotif menguntungkan saya kerana ia memberikan peluang kerjaya sabagai usahawan sekiranya saya serius ingin menceburinya.					
40.	Bersandarkan kemahiran automotif dan pengetahuan keusahawanan, saya mampu pergi lebih jauh dalam bidang industri ini.					

Terima kasih kerana sudi menjawab.

**“DORONGAN NIAT YANG KUAT MENDORONG KEJAYAAN DALAM
KEUSAHAWANAN”**